

Headline	BMW tanam 200 batang pokok		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	30	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,347



## BMW tanam 200 batang pokok

PIHAK pengurusan dan tenaga kerja BMW Group Malaysia baru-baru ini meluangkan masa untuk menanam sebanyak 200 batang pokok di Taman Botani di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur.

Program menghijaukan bumi itu merupakan sebahagian daripada aktiviti akhir tahun staf syarikat kenderaan premium berkenaan. Ia

bertujuan meningkatkan kawasan teduhan dan mengurangkan kadar karbon dioksida di atmosfera.

Spesies pokok yang ditanam ialah Camphor Tree di kawasan seluas 0.8 hektar. Aktiviti penanaman pokok-pokok itu juga membantu meningkatkan indeks biodiversiti, selain meluaskan lagi kawasan habitat untuk pelbagai jenis haiwan pada masa akan datang.

DARI kiri: Pengarah Urusan BMW Credit, Joe Hall dan Ketua Pegawai Eksekutif BMW Group Malaysia, Dr. Gerhard Pils menyampaikan ucapan penghargaan kepada semua staf yang menjayakan aktiviti kali ini.